

MRT Pasar Seni siap enam bulan lagi

MRT Corp mula bangun semula Perhentian Bas Klang untuk jadikan stesen bawah tanah

Oleh Siti Haliza Yusop
shyusop@bharian.com.my

KUALA LUMPUR: Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (MRT Corp) sudah memulakan kerja membangunkan semula Perhentian Bas Klang di sini, untuk menjadikannya stesen bawah tanah MRT Pasar Seni dalam masa enam bulan lagi.

Pengarah Perhubungan Pemegang Kepentingan dan Tanah MRT Corp, Haris Fadzilah, berkata kerja pembangunan semula itu akan menjadikan MRT Pasar Seni sebagai lokasi pengintegrasian utama.

Beliau berkata, meskipun penting memastikan MRT berkenaan dibina mengikut jadual, kerja pembangunan semula pada skala besar itu memerlukan masa dan perancangan rapi bagi mengurangkan kesan kepada masyarakat dan bangunan sekeliling.

“Kami akan memastikan tahap keselamatan yang tertinggi dan pelaksanaan Pelan Pengurusan Lalu lintas yang cekap dipatuhi.

“Pelan ini akan dikuatkuasakan bagi mengurangkan gangguan lalu lintas terhadap perniagaan yang berada di kawasan ini ketika tempoh

pembinaan,” katanya.

Perhentian Bas Klang adalah satu daripada tiga bangunan milik kerajaan selain Plaza Warisan dan UDA Ocean yang akan terbabit memberi laluan kepada pembinaan pusat pertukaran pengangkutan rel bawah tanah yang baru itu.

MRT Corp akan bekerjasama dengan MMC-Gamuda KVMRT (PDP) Sdn Bhd, Rakan Pelaksana Projek (PDP) bagi projek MRT untuk mengawasi kerja pembangunan semula yang akan dilaksanakan Pembinaan CW Yap Sdn Bhd.

Haris berkata, pada tempoh pembinaan, penutupan laluan hanya akan dilakukan bermula 12 tengah malam sehingga 5 pagi bagi memastikan tiada gangguan aktiviti dan urusan



Pelan ini akan dikuatkuasakan bagi mengurangkan gangguan lalu lintas terhadap perniagaan yang berada di kawasan ini semasa tempoh pembinaan

Haris Fadzilah

Pengarah Perhubungan Pemegang Kepentingan dan Tanah MRT Corp



HARIS (berbaju putih) menunjukkan lokasi Stesen MRT Pasar Seni.

perniagaan dapat berjalan seperti biasa.

Sebaik MRT berkenaan siap dan beroperasi kelak, penjajaran sedia ada yang membolehkan stesen MRT Pasar Seni diintegrasikan dengan stesen LRT sedia ada akan membuat kawasan sekitar Jalan Sultan dan Jalan Petaling lebih menarik dan

lebih meriah lagi.

“Ini selaras prinsip MRT Corp untuk menyokong sepenuhnya pemeliharaan bangunan warisan di Jalan Sultan selain menghidupkan kembali Chinatown supaya pengunjung tempatan dan antarabangsa dapat terus menikmati keunikannya untuk tahun akan

datang.” katanya.

Dengan bermulanya kerja pembangunan semula tiga buah bangunan ini, MRT Corp berharap dapat mencapai jalan penyelesaian yang sama-sama boleh diterima oleh pemilik rumah kedai di Jalan Sultan bagi memastikan pelaksanaan projek MRT berjalan lancar.